



# kaunseling Remaja

Dr Sapora Sipon Menjawab

Jika anda menghadapi masalah percintaan, pembelajaran, kewangan, keluarga dan perkara peribadi yang sukar diselesaikan, pakar kaunseling Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) sedia membantu. Hantarkan masalah anda lengkap dengan nama dan alamat penuh kepada Ruangan Pengelola Kaunseling Remaja, Harian Metro, Balai Berita, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur atau e-mel kepada rencana@hmetro.com.my

## Ibu sibuk berpolitik abai rumah tangga

### SOALAN

**S**AYA pelajar sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Pelajaran saya masih baik walaupun menghadapi masalah dengan keluarga terutama ibu.

Ibu menjalankan perniagaan sendiri dan sangat aktif dalam politik. Perkara itu menyebabkan ibu terlalu sibuk sehingga mengabaikan tanggungjawab terhadap kami adik-beradik. Ibu juga kurang memberi perhatian kepada bapa kerana terlalu sibuk dengan perkara itu.

Sebelum ibu terbabit dengan politik, kami mempunyai masa melakukan pelbagai aktiviti bersama seperti membeli-belah dan melancong. Kini semua itu sudah tiada kerana ibu lebih gila berpolitik dan keluarga sudah tidak penting lagi.

Saya risau memikirkan ibu yang sering marah apabila pulang dari perjumpaan atau mesyuarat politiknya. Saya tidak mahu tahu apa yang berlaku. Bagaimanapun, saya yakin ia kaitan dengan permainan politik terutama cantas-mencantas.

Kerisauan saya semakin memuncak apabila melihat banyak perkara yang tidak baik

berlaku dalam dunia politik. Fitnah memfitnah dan cantas mencantas sering berlaku. Semua ini saya selalu baca di akhbar dan melalui televisyen.

Saya tidak tahu sama ada perkara itu benar, tapi saya berasakan dunia politik sangat kotor dan penuh penipuan.

Kesannya orang ramai menderita dan saya jijik dengan dunia politik. Rakyat menderita disebabkan permainan orang politik yang kadangkala berpura-pura.

Saya berharap ibu cepat sadar tiada gunanya dia menceburkan diri dalam politik kerana sering dipermainkan. Lebih baik dia beri saja perhatian kepada keluarga. Lagipun, adik-beradik saya masih bersekolah rendah dan menengah. Mereka memerlukan perhatian ibu.

Insan jijik dengan politik  
Kuala Lumpur

### JAWAPAN

**I**BU adalah watak penting dalam perkembangan dan pembentukan sesebuah keluarga. Kasih sayang dan tanggungjawab ibu kepada anak sewajarnya berlaku sepanjang masa. Nilai ini sangat penting dalam

penyatuan sebuah keluarga yang bahagia.

Nilai ini kemudian dipelajari dan dicontohi anak yang belajar melalui teladan.

Justeru, pengorbanan dan tanggungjawab ibu bapa sering menjadi keinginan dan keperluan anak dalam proses mereka menjadi individu dan anak yang sejahtera.

Seorang ibu yang menghabiskan terlalu banyak masa di luar berbanding keluarga akan menyebabkan anak dan suami berasa kurang penting serta diabaikan.

Diketepikan dan tidak mendapat kedudukan sewajarnya adalah satu perasaan yang menyakitkan.

Dalam hal ini, kedudukan adik dan bapa kini sudah diambil alih oleh perkara yang sangat diminati ibu iaitu politik. Ibu adik kini sudah tidak dapat memenuhi keperluan serta keinginan yang diharapkan oleh adik dan bapa.

Ibu sering membawa balik masalah dunia politiknya kemudian hilang kawalan terhadap diri dan keluarga. Memandangkan ibu sendiri yang memilih terbabit dalam politik, penting bagi ibu untuk bertanggungjawab

atas segala kesan berpolitik, sama ada positif atau sebaliknya.

Ibu perlu bijak mengimbangi antara tuntutan diri dengan tuntutan orang yang rapat dengan dirinya terutama keluarga.

Pemimpin atau ahli politik yang baik ialah mereka yang bijak mengurus masa dan emosi. Meletakkan keutamaan di tempat yang betul juga adalah ciri pemimpin yang baik.

Pandangan dan persepsi adik terhadap dunia politik dibina berdasarkan pengalaman hidup adik dengan ibu dan juga apa yang adik baca serta lihat di media selain dunia sekeliling.

Berdasarkan beberapa peristiwa negatif pergolakan politik negara, adik meng-

anggap dunia ahli politik jijik.

Kanak-kanak dan remaja banyak belajar daripada pemerhatian. Jika mereka sering melihat perkara negatif, mereka akan membina anggapan yang tidak baik mengenai perkara itu. Sama ada sesuatu perkara itu betul atau tidak, ia sudah tidak lagi penting.

Seseorang individu menyertai politik dengan pelbagai tujuan.

Jika niatnya untuk menjadi pemimpin yang jujur dengan memberi keutamaan kepada rakyat serta pengundinya, individu itu akan menjadi ahli politik jujur dan pemimpin yang baik.

Ibu adik meminati politik dan sudah tentu dia tahu risiko menceburi bidang ini serta bersedia untuk

memikul sebarang kesannya. Cuma, ibu adik perlu pandai mengawal diri dan emosi supaya tidak terbawa-bawa perasaan negatif apabila pulang ke rumah. Ibu perlu mempunyai nilai baik dalam berpolitik dan tidak terikut-ikut dengan amalan cantas mencantas ini.

Adik boleh memberitahu ibu kerisauan adik. Bagaimanapun, bukanlah sesuatu yang mudah bagi seorang anak untuk memberitahu sifat tidak baik ibunya.

Adik perlu memberitahu kerisauan kepada ibu dengan berhemah sekali.

Buangkan emosi dan berbincang secara rasional. Hormati ibu sewajarnya.

Ibu perlu bijak mengimbangi antara perniagaan, minat berpolitik dan keluarganya.

## Mahu kahwin duit tak cukup

### SOALAN

**S**AYA jejaka yang mahu mendirikan rumah tangga. Bagaimanapun, simpanan saya masih tidak mencukupi.

Saya tidak tahu bagaimana untuk menyimpan duit dengan lebih berkesan supaya dapat digunakan untuk perkahwinan itu nanti. Tolonglah saya Dr.

JEJAKA POKAI  
Johor Bahru

### JAWAPAN

**H**esrat adik untuk bermah tangga adalah murni.

Mendirikan rumah tangga boleh mengelak daripada melakukan

perkara yang tidak diinginkan seperti maksiat. Dr empati dengan masalah adik yang masih tidak mempunyai simpanan mencukupi untuk berkahwin.

Saidina Umar berkata: "Awat! Janganlah kamu melampau dalam memberi mas kahwin kepada wanita kerana sesungguhnya jika wanita itu seorang yang mulia di dunia atau seorang yang bertakwa di sisi Allah, nescaya Rasulullah s.a.w orang yang paling utama berbanding kamu dalam memberi mas kahwin yang banyak.

Padahal aku tidak pernah mengetahui Rasulullah s.a.w berkahwin

dengan mana-mana isterinya atau mengahwinkan mana-mana puterinya dengan mas kahwin lebih daripada 12 waqyah." (Hadis riwayat Al-Tirmizi)

Jika adik serius untuk berkahwin, cuba usahakan majlis perkahwinan yang memenuhi keadaan kewangan adik. Adik perlu merancang kewangan untuk tujuan perkahwinan itu.

Buat satu pelan simpanan dan dapatkan nasihat daripada institusi kewangan atau pakar kewangan dalam perkara ini. Adik juga boleh membaca buku berkaitan.

Sikap jimat-cermat boleh membantu adik dalam mengurus simpanan untuk tujuan perkahwinan dengan baik.